

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Okttober/November 1992

PLG 421 - Pengurusan Pendidikan

Masa : [3 jam]

Jawab **EMPAT** soalan kesemuanya, **SATU** soalan sahaja daripada tiap-tiap satu bahagian.

BAHAGIAN A

1. "Sekolah adalah sebuah organisasi sosial". Huraikan ciri-ciri utama organisasi dan cuba buktikan bahawa sekolah adalah berfungsi sebagai sebuah organisasi sosial.

(25 markah)

2. "Birokrasi adalah gaya pengurusan cara kuno dan tidak sesuai lagi di zaman ini." Berdasarkan kepada ciri-ciri birokrasi Max Weber yang dianggap unggul, beri pendapat anda samada setuju atau tidak dengan kenyataan di atas.

(25 markah)

BAHAGIAN B

3. Huraikan Teori X dan Teori Y seperti yang dikemukakan oleh Douglas Mc Gregor. Apakah implikasinya terhadap kepimpinan.

(25 markah)

4. Huraikan Teori dua faktor seperti yang dikemukakan oleh Herzberg. Apakah implikasinya terhadap pengurusan.

(25 markah)

...2/-

- 2 -

BAHAGIAN C

5. Huraikan sumber-sumber kewangan sekolah dan terangkan bagaimanakah seseorang pengetua itu harus mengurus peruntukan kewangan sekolah dan tabung suwa.

(25 markah)

6. Terangkan prosedur yang betul bagaimana penyelenggaraan stor dan stok harus diurus. Penjelasan anda hendaklah bermula dengan membuat pesanan kepada penyimpanan hingga kepada hapuskira.

(25 markah)

BAHAGIAN D

7. "Kita hanya boleh meningkatkan produktiviti sekiranya kawalan ketat dikenakan ke atas semua kakitangan." Bincangkan dengan kritis kenyataan tersebut dalam konteks gaya kepimpinan di sekolah.

(25 markah)

8. "Penglibatan kakitangan di dalam pengurusan sekolah akan merendahkan martabat pengetua dan merosakkan perjalanan sekolah." Huraikan kenyataan di atas dalam konteks gaya kepimpinan di sekolah dengan tumpuan khas kepada membuat keputusan.

(25 markah)

- oooOooo -